$Ho_{10}$ Tidak terdapat hubungan di antara kemahiran pengajaran dengan amalan pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru dalam kalangan Guru KAFA.

$Ho_{11}$ Tidak terdapat hubungan di antara kemahiran komunikasi dengan amalan pengajaran, kemahiran pengajaran dan personaliti guru dalam kalangan Guru KAFA.

$Ho_{12}$ Tidak terdapat hubungan di antara personaliti guru dengan amalan pengajaran, kemahiran pengajaran dan kemahiran komunikasi dalam kalangan Guru KAFA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


$Ho_{13}$ Tidak terdapat hubungan di antara amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru dengan *riadhah ruhiyyah* (kecekapan sosial) dalam kalangan Guru KAFA.

**Persoalan kajian 1.6.13:**

$Ho_{14}$ Tidak terdapat sumbangan amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi, personaliti guru terhadap *Riadhah Ruhiyyah* dalam kalangan Guru KAFA.

**Persoalan kajian 1.6.14:**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$Ho_{14}$ Tidak terdapat Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis, CFA*) bagi mengesahkan model pengukuran amalan pedagogi pengajaran terhadap *riadhah ruhiyyah* (kecekapan sosial) dalam kalangan Guru KAFA.

**Persoalan kajian 1.6.15:**

$Ho_{15}$ Tidak terdapat pengaruh amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi, personaliti guru terhadap Riadhah Ruhiyyah (Kecekapan Sosial) Guru KAFA?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Persoalan kajian 1.6.16:**

$Ho_{16}$ Tidak terdapat Model hubungan amalan pedagogi pengajaran dengan Riadhah Ruhiyyah dijelaskan oleh *Structural Equation Modeling* (SEM AMOS) dalam kalangan Guru KAFA.

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori dalam kajian ini merujuk Teori Guru Berkualiti berasaskan pemikiran al-Ghazali yang merujuk kepada kitab *Ihya' Ulumuddin*. Melalui teori ini, pengkaji mendapati keperluan kepada Guru KAFA untuk menguasai ilmu pengetahuan melalui amalan, kemahiran dan berkeperibadian positif adalah merupakan komponen penting dalam mempengaruhi amalan pedagogi Pendidikan Islam dalam kalangan Guru KAFA di Malaysia. Teori ini bertujuan bagi meningkatkan kualiti diri di samping mengembangkan potensi sosial Guru KAFA yang cemerlang dalam pengajaran sosial disamping mencontohi amalan dan tingkahlaku Rasulullah SAW dalam aspek pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 1.1**
*Kerangka Teori Kajian berasaskan pemikiran al-Ghazali melalui kitab Ihya' Ulumuddin.*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Quran merupakan sumber utama pendidikan Islam dan mukjizat besar kepada umat Islam dalam mempelajari ilmu Pendidikan akhlak. Akhlak bererti tabiat atau perilaku seseorang yang menjadi pendorong kepada zahirnya tingkah laku luaran (Faridah dan Tengku Sarina Aini 2006). Selain Rasulullah SAW mendidik para sahabat dengan pendidikan akhlak, baginda juga mendidik pendidikan sosial sebagai contoh serta diikutan untuk dipelajari. Inilah nilai ilmu yang perlu disyukuri dalam pembentukan peradaban dalam sesebuah tamadun. Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah al-Zumar ayat 9 yang bermksud:

*"Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui Dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."*

(Abdullah Basmeih, 2013)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Firman Allah SWT di dalam ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah memberikan penghargaan tinggi kepada orang yang menggunakan akal untuk berfikir dan berilmu pengetahuan. Melalui didikan al-Sunnah, Rasulullah SAW senantiasa menyarankan kepada umatnya untuk menuntut ilmu pengetahuan. Antara sabda Rasulullah SAW berkenaan dengan kelebihan menuntut ilmu ialah:

*“Menuntut ilmu itu adalah kewajipan ke atas setiap orang Islam.”*

(Riwayat Ibnu Majah, no:2009)

Melalui Kitab karangan Imam Al-Ghazali iaitu kitab *Ihya’ Ulumuddin,* Teori Guru Berkuliti menjadi memfokus dalam melahirkan guru yang berkualiti (Kamarul Azmi dan Noor Fadhlina 2012). Antara perkara yang dinyatakan adalah sikap guru yang penyayang, mendidik murid seperti anaknya sendiri, tidak meminta upah dalam memberi khidmat mendidik, menasihatkan agar menjauhi perkara yang buruk dan mengajar sesuai dengan tahap pemikiran dan kefahaman murid.

Rajah 1.1 menunjukkan 4 asas kualiti guru yang digambarkan dalam teori guru berkualiti berdasarkan Imam al-Ghazali yang perlu diambil perhatian oleh Guru KAFA iaitu kualiti dalam penguasaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), kualiti dalam perihal komunikasi ketika PdP, kualiti dalam aspek pengetahuan serta kualiti dalam personaliti diri ketika sesi PdP di dalam bilik darjah berlangsung (Rosnah et al. 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam kajian ini, keempat-empat asas kualiti diaplikasi oleh pengkaji sebagaimana yag dinyatakan dalam objektif dan persoalan kajian ini. Secara ringkas, kerangka teori Amalan Pedadogi Pengajaran dapat divisualkan seperti dalam gambarajah 1.2 yang berikut:

**Rajah 1.2**
*Kerangka Teori Kajian Amalan Pedagogi Pengajaran Guru KAFA*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Kerangka Model Kajian

Kerangka model dalam kajian menggunakan diadaptasi daripada Model Sosial Rasulullah SAW (al-Munajjid 2014), Model Pengajaran dan tanggungjawab pendidikan sosial berteraskan pemikiran Abdullah Nasih Ulwan (*Tarbiyatul Aulad*) dan Model Sebab dan Akibat (*Causal Modeling*) yang diperkenalkan oleh Herbert B. Asher (1990).

Model Abdullah Nasih Ulwan juga amat dekat dengan metodologi pendidikan Rasulullah SAW, ini kerana pendekatan yang diambil oleh Abdullah Nasih Ulwan adalah merujuk al-Quran dan as-Sunnah. Maka tidak dapat dinafikan kaedah dan teknik Abdullah Nasih Ulwan juga adalah merujuk kepada pendekatan pendidikan Rasulullah SAW. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mencadangkan model Pedagogi pendidikan Islam kepada guru mata pelajaran Pendidikan Islam agar menjadikan pedagogi berkesan dilaksanakan dalam pengajaran. Selain itu guru juga telah melaksanakan sunnah Rasulullah SAW dan membudayakannya sebagai amalan dalam pengajaran (Abu Ghuddah 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model pendidikan Sosial Rasulullah SAW amat signifikan untuk diadaptasi dalam pendidikan dan kehidupan seharian umat Islam. Rasulullah SAW mengajar pelbagai kaedah didikan sosial contohnya cara bergaul dengan ahli keluar dan kaum kerabat, golongan yang memiliki status tertentu dan golongan umum (al-Munajjid, 2014). Kefahaman yang jitu dalam perkara ini membina kecekapan sosial (*Social Intelligence*) dalam diri Guru KAFA. Firman Allah SWT di dalam surah al Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah."

(Abdullah Basmeih, 2013)

Ahli Ilmuwan Islam, Ibnu Kathir mengulas ayat suci ini mengandungi makna yang hebat iaitu menerangkan tentang prinsip mematuhi ucapan, tindakan dan perintah daripada Rasulullah kepada umatnya (Tafsir Ibnu Kathir, 391/6). Allah SWT memerintahkan para Nabi untuk mengikuti contoh nabi yang sebelumnya. Firman Allah SWT di dalam surah al-An'am yang bermaksud:

*"Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka. Katakanlah: "Aku tidak meminta upah kepadamu dalam menyampaikan (Al-Quran)". Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan untuk seluruh ummat."*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Abdullah Basmeih, 2013)

Dapatan dari ayat ini, Ibnu Kathir menjelaskan bahawa ayat merupakan perintah kepada para Nabi. Maka umat atau bangsanya perlu mengikuti apa yang diperintahkan Allah SWT untuk diikuti (Tafsir Ibnu Kathir, 190/2). Maka sebagai umat dan guru kita perlu meneladani ilmu pengajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW sebagai rujukan dan amalan kehidupan seharian. Ilmu didikan sosial Rasulullah SAW juga amat relevan dalam membina kecekapan sosial GPI dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia iaitu ibubapa, pentadbir, penyelia, rakan sejawat dan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kecekapan sosial atau *Social Intelligence* bermaksud kemampuan manusia menggunakan akal fikiran dalam membina hubungan dengan persekitaran yang kompleks (Khadijah 2012). Manakala dalam perspektif Islam, Imam al-Ghazali dalam Zakaria Stapa (2012) menjelaskan bahawa pergaulan dengan orang-orang yang soleh adalah merupakan salah satu dari tiga kaedah dalam pembentukan akhlak Islamiah. Justeru kecekapan ini adalah satu aspek yang perlu dipertingkatkan oleh Guru KAFA pada masa akan datang.

Model pendidikan sosial Rasulullah SAW dan model tanggungjawab pendidikan Abdullah Nasih Ulwan merupakan aspek penting dalam mendidik manusia untuk bergaul atau bersosial sebagaimana yang digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah. Al-Munajjid (2014) menterjemah kemahiran sosial Rasulullah SAW sebagai rujukan dan panduan umat Islam dalam menjaga batasan pergaulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek inilah yang amat diperlukan dalam pendidikan Islam agar hasil (*outcome*) dari pengetahuan ini mampu membina generasi Muslim yang berkasih sayang, menghormati hak sesama manusia serta cakna dengan apa yang berlaku dalam persekitaran mereka. Ini termasuklah menjaga keharmonian diri serta makhluk lain seperti memahami peranan alam, tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang diciptakan Allah SWT. Inilah kelebihan yang perlu ditampilkan dalam pendidikan hari ini.

Model sebab dan akibat ini menekankan teknik analisis dalam menghubungkan sebab dan akibat sesuatu peristiwa atau kejadian dalam bentuk *cross-sectional* untuk menjelaskan satu unit amalan pedagogi untuk dinilai dari aspek keberkesanan. C*ross-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*sectional* ini melibatkan aspek amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru yang akan mempengaruhi aspek amalan pedagogi pengajaran Guru KAFA.

Model Sebab dan Akibat yang dikemukakan oleh Herbert B. Asher ini juga merupakan pendekatan inovatif dalam ilmu politik dan sains sosial. Ia dirancang untuk mengungkap hubungan kompleks antara variabel-variabel yang mempengaruhi fenomena sosial.

Model ini seringkali digunakan dalam penelitian kuantitatif, khususnya dalam analisis data statistik, model ini menerangkan pentingnya memahami bagaimana satu pemboleh ubah dapat memicu perubahan pada variabel lain (Asher 1983, 1995, 1996, 2003, 2005).

Pemboleh ubah ini berfungsi sebagai pemacu yang mempengaruhi pemboleh ubah lain dalam sesebuah kajian. Sebagai contoh, dalam bidang pendidikan dapat dianggap sebagai pemboleh ubah bebas yang signifikan dan mempengaruhi keputusan individu. Asher menekankan bahawa pemahaman tentang sebab-akibat sangat kompleks untuk menganalisis dan menjangka tingkah laku dalam sains sosial, khususnya dalam bidang politik dan dasar awam.

Model ini bukan hanya membantu kita memahami hubungan antara pemboleh ubah, tetapi juga memberikan alat untuk mengenalpasti dapatan atau hasil bersandarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perubahan sosial. Maka model ini membantu mendapatkan hasil sebab dan akibat pada sesuatu kajian yang dihasilkan (Asher 1983, 1995, 1996, 2003, 2005).

Berdasarkan model kajian ini, Guru KAFA perlu memahami konsep amalan pedagogi dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan ketika berada di dalam bilik darjah. Aspek komunikasi dan kecekapan sosial guru (*social intelegence*) dalam persekitaran pengajaran yang harmoni mampu menghasilkan pembelajaran yang diinginkan (Alif Nawi, 2020).

Kaedah dan teknik pengajaran ini telah lama diperkenalkan oleh Rasulullah SAW kepada kita sebagai panduan dalam mengajar dan membina hubungan sosial khususnya boleh amalkan dalam bidang pendidikan dengan sebaiknya. Secara ringkas, kerangka model kajian ini dapat divisualkan seperti dalam gambarajah yang berikut:

**Rajah 1.3**
*Kerangka model kajian diadaptasi daripada Model Tanggungjawab Pendidikan Sosial Abdullah Nasih Ulwan (Tarbiyatul Aulad) dan Model Hubungan dan Akibat (causal modeling) Herbert B. Asher (1990).*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**1.10 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konsep yang terdapat dalam rajah 1.4 ini adalah salah satu kerangka konsep yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menerangkan secara menyeluruh berkenaan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Melalui kerangka konsep ini juga, pengkaji akan lebih mudah menerangkan tentang elemen-elemen pelaksanaan pedagogi pendidikan Islam melalui pemboleh ubah dan sub pemboleh ubah yang dinyatakan bagi tujuan kajian meningkatkan profesionalisme dalam kalangan Guru KAFA di Malaysia.

Pengkaji mengadaptasi teori guru berkualiti berasaskan pemikiran imam al-Ghazali (*Ihya' Ulumuddin*), Model Pengajaran dan Pendekatan Sosial Rasulullah SAW (Noornajihan dan Ab. Halim, 2012), Model Pengajaran dan Tanggungjawab Pendidikan Sosial Abdullah Nasih Ulwan (Nasih Ulwan 1988, 2000, 2012; Johan Istiadie dan Fauti Subhan, 2013) serta Model Sebab dan Akibat (Herbert B. Asher 1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 1.4**
*Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pedagogi Pengajaran diubahsuai dari Teori Guru Berkualiti berasaskan al-Ghazali (Ihya' Ulumuddin) dan Model Tanggungjawab Pendidikan Sosial Abdullah Nasih Ulwan (Tarbiyatul Aulad)*




*Petunjuk:* → *Hubungan langsung*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pemboleh ubah yang akan dibincangkan dalam amalan pedagogi pengajaran ini ialah dari aspek amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru. Pemboleh ubah pertama adalah perihal amalan pengajaran Guru KAFA dalam aspek pedagogi.

Maklumat dan dapatan diperlukan bagi mengetahui sejauh mana Guru KAFA menlaksanakan ilmu pedagogi dalam Pendidikan KAFA. Kemampuan mereka melalui amalan, kemahiran dan personaliti  dalam kalangan guru amat penting kerana ilmu yang disampaikan kepada murid hendaklah ilmu yang benar dari pelbagai sudut sehinggalah dalam aspek pengamalannya (Mohd Musnizam et al. 2012).

Pemboleh ubah kedua pula adalah berkenaan kemahiran pengajaran guru dalam mengajar. Ia merangkumi kaedah dan teknik pengajaran berkesan dalam meningkatkan keyakinan guru dalam PdP di bilik darjah. Selain itu aspek  pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga perlu difahami dengan baik oleh Guru KAFA agar murid dapat mengadaptasi pelajaran melalui pelbagai aspek seperti kerohanian, intelektual, emosi dan jasmani (Mariam et al. 2015).

Pemboleh ubah ketiga pula merujuk kepada kemahiran komunikasi dalam diaplikasi dalam pendidikan KAFA. Komunikasi yang berkesan sudah pasti akan memberikan impak kepada murid untuk faham dan menerima ilmu yang disampaikan dengan baik (Alif Nawi 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kemahiran komunikasi ini perlu dipelajari dengan mendalam oleh guru kerana ia merupakan sebahagian dari kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini adalah kerana persekitaran yang melibatkan komunikasi guru yang berkesan mampu membina dan membentuk sahsiah diri yang baik kepada murid (Sohana & Hairun Najuwah 2017).

Pemboleh ubah keempat adalah aspek personaliti guru. Keperibadian juga boleh dikaitkan dengan personaliti seseorang guru yang seharusnya menjadi teladan dan sebagaimana yang dituntut dalam Islam (Murihah 2018). Beberapa sub pemboleh ubah melalui penelitian sifat-sifat mahmudah iaitu kasih sayang, ikhlas, jujur dan bertangungjawab adalah merupakan cara yang sesuai dalam menegur dan mengurus kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengkaji berpandangan dalam meningkatkan profesionalisme guru melalui aspek kepakaran dan keterampilan guru ketika melaksana tugas dan tanggungjawab perlu diambil perhatian dalam kajian ini. Keupayaan guru mata pelajaran Pendidikan Islam dalam mengamalkan pedagogi yang berkesan juga mampu meningkatkan hubungan dengan Allah (*Hablu min Allah*), hubungan dengan diri (*Hablu min al-Nafs*), rakan sekerja dan murid (*Hablu min an-nas*), Kajian ini juga akan mengenalpasti antara kaedah yang boleh diamalkan dalam pengajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam rajah 1.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Ary Antony (2016), pendidikan al-Ghazali juga menerapkan usaha untuk membina keperibadian guru sesuai dengan nilai-nilai penerapan Islam. Melalui penyataan kerangka teori, model dan konseptual kajian, pengkaji berhasrat untuk membangunkan model amalan pengajaran untuk dijadikan rujukan dan panduan pengajaran untuk diamalkan Pendidikan KAFA di Malaysia.

Tujuan utama pengkaji adalah usaha menghidupkan kembali pendidikan sosial yang sebenar bukan hanya memfokuskan kepada kemenjadian Guru KAFA tetapi juga kepada murid berkenaan kepentingan adab dalam kehidupan umat Islam terutama dalam pendidikan Islam sebagaimana yang disaran dan dilakukan dalam kehidupan junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini akan melibatkan Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan berkhidmat di negeri-negeri seluruh Malaysia. Batasan kajian ini merujuk kepada Guru Pendidikan KAFA diperingkat rendah yang melibatkan murid tahap satu dan dua. Kajian ini berasaskan kepada kerangka teori, model dan konsep dengan melihat kepada empat pemboleh ubah iaitu amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru dalam kalangan Guru KAFA. Pembinaan model amalan pedagogi pengajaran yang dibangunkan adalah melalui pendekatan pengajaran Rasulullah SAW dan Profesor Sheikh Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pendidikan diharap meningkatkan aspek profesional dan kecekapan sosial dalam kalangan Guru KAFA di Malaysia.

## 1.12 Kepentingan Kajian

Keutamaan pada topik kajian ini adalah didasarkan kepada kepentingan dalam melaksanakan kajian itu sendiri. Realiti hari ini memaparkan perihal cabaran kepada Guru KAFA dalam mendidik dengan pelbagai cabaran dalam bidang pendidikan KAFA. Justeru itu, asas kajian iaitu kembali kepada fitrah dengan meletakkan amalan pedagogi pengajaran pendidikan Islam melalui gabungan kaedah dan teknik pengajaran Rasulullah SAW serta buah fikir ilmuan Islam Klasikal yang bersandarkan al-Quran serta Sunnah Rasulullah (Sofiah et al. 2016) sebagai cara hidup (*the way of life*) khususnya dalam bidang Pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini penting dalam memperkenal dan membuktikan bahawa amalan pedagogi pengajaran yang berkesan mampu menyumbang kepada nilai positif kepada Guru KAFA, malahan menjadi perubahan kepada kemenjadian guru yang seimbang. Ini kerana apabila guru dan murid berada dalam keadaan *sakinah* (harmoni), ilmu yang sampaikan juga pasti akan mudah diserap dijiwai. Sesi pengajaran akan dilihat sebagai suasana yang menarik dan menyeronokkan. Maka akhirnya akan melahirkan *al-insan al-Soleh* bukan hanya kemenjadian pada diri murid, malah kemenjadian guru juga akan tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini diharap dapat membantu pihak yang berkenaan dengan pengajaran Pendidikan Islam khususnya sebagai nilai tambah kepada pedagogi dan andragogi sedia ada dalam pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Usaha ini diharap akan dapat membudayakan Sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian serta menyumbang kepada ilmu pengetahuan (*contribution of knowledge*).

Kajian yang dilaksanakan ini adalah merupakan satu usaha untuk meningkatkan kualiti PdP dalam bidang Pendidikan Islam serta menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digubal pada tahun 1988. Kajian ini dijangka akan memberi manfaat yang besar kepada agensi tadbir urus Pendidikan Islam yang menyelaras dan mentadbir Pendidikan KAFA di seluruh Malaysia iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Bertanggungjawab di Negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Yayasan Islam Negeri (YIN).

Kesimpulannya, kajian ini juga diharap dapat membantu dalam memupuk nilai kecemerlangan serta pembentukan akhlak terpuji dalam kalangan guru mata pelajaran Pendidikan Islam agar menjadi *qudwah hasanah* kepada rakan sejawat, murid dan masyarakat. Maka, sudah pasti akan lahir guru bersifat *al-qawiey al-amin* (kompeten dan berintegriti) sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Perkara ini sudah pasti akan memberikan impak yang besar dalam memandu guru dalam memahami peranan ilmu, amal dan adab dalam Pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.13 Definisi Operasi Kajian

### 1.13.1 Pedagogi

Merujuk Atan Long (1980), Esah Sulaiman (2004) dan Rosnani (2018) pedagogi bermaksud kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.

Menurut kajian ini pedagogi merujuk kepada elemen amalan, kemahiran dan personaliti guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bawah penyelaran JAKIM dan Agensi bertanggungjawab Negeri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.13.2 Amalan Pengajaran

Al Muhammadi (1991) menegaskan pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai dan berjaya jika guru yang menyampaikan ilmu dengan cara yang tidak efektif. Amalan pengajaran berkait rapat dengan penglibatan guru serta inisiatif yang digunakan melalui kaedah tertentu dalam menyampaikan ilmu pengajaran kepada murid (Muhammad Faizal dan Saedah, 2013; Norafrina dan Faridah, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut kajian ini amalan pengajaran merujuk kepada usaha Guru KAFA dalam mengadaptasi ilmu pedagogi melalui kaedah dan teknik tertentu dan diimplementasikan dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada murid KAFA.

### 1.13.3 Amalan Pedagogi Pengajaran

Amalan pedagogi guru yang mengintegrasikan pengetahuan tersebut mampu menyokong perkembangan holistik murid di dalam bilik darjah dengan lebih efektif dan menyeluruh (Ahmad Syarwan et al. 2023; Norliza & zaharah, 2025). Pandangan ini bahkan disokong oleh Tomlinson, 2014 di mana maksud pengetahuan dan pemahaman para guru tentang kecerdasan murid adalah bermakna dalam melaksanakan amalan pedagogi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian ini, amalan pedagogi pengajaran merujuk kepada empat elemen yang menyokong pemboleh ubah kajian iaitu amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti guru dalam kalangan guru-guru KAFA.

### 1.13.4 Kemahiran Pengajaran

Mohd Aderi (2009) menyatakan maksud pengajaran merangkumi perbuatan, pelaksanaan atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan. Manakala menurut Hailan Salamun (2011) mendefinikannya sebagai kepimpinan Islam berkait dengan amanah, mengawal, menjaga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


orang yang dipimpin, membangunkan kehidupan mereka dan menghubungkannya dengan Allah SWT semata-mata untuk mendapatkan keredaan-Nya.

Menurut kajian ini kemahiran pengajaran merangkumi kaedah dan teknik pengajaran Guru KAFA dalam membantu dan mendidik murid dalam menguasai pembelajaran seperti kaedah bercerita dan melukis.

### 1.13.5 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi adalah salah satu elemen yang perlu dikuasai oleh guru dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan (Ab Halim dan Mohammad Khairul Azman 2010). Selain itu, ia juga menekankan aspek kemahiran sosial agar murid dapat bertindak balas dengan persekitaran dan kecemerlangan diri (Nurul Salmi dan Mohd Isha 2014).

Menurut kajian ini kemahiran komunikasi ialah meletakkan adab Islamiah dalam komunikasi berkesan dengan berlandasakan al-Quran danas-Sunnah serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam keperibadian berakhlak.

### 1.13.6 Personaliti Guru

Menurut al-Ghazali (1990) personaliti ialah bentuk perbuatan baik atau buruk seseorang yang dilakukan kerana dorongan hati, hati ialah pemimpin kepada jasad. Hati yang baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dapat menghasilkan perbuatan yang baik begitu juga sebaliknya hati yang buruk akan menghasilkan perbuatan yang buruk.

Dalam kajian ini maksud personaliti guru ialah keperibadian guru yang diperlihatkan sama ada positif atau negatif dan juga berkait rapat dengan akhlak yang seharusnya diaplikasi sebagai seorang GPI.

### 1.13.7 *Riadhah Ruhiyyah*

Habibah (2017) menjelaskan bahawa *Riadhah Ruhiyyah* yang merujuk kepada hubungan Guru KAFA dengan Allah, hubungan guru dengan dirinya sendiri, hubungan guru dengan rakan sekerja dan hubungan guru dengan murid di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari kajian ini *Riadhah Ruhiyyah* dilihat dari aspek kecekapan sosial (Amjad, 2021; Mawil Izzidien, 2021; Nor Asmah & Muhammad Syawal, 2021; Nooraini & Yasmin, 2023) Guru KAFA dalam membina kemahiran sosial guru khususnya dalam kalangan guru KAFA dalam melaksanakan pengajaran di sekolah.

## 1.14 Penutup

Bab ini telah memjelaskan secara panjang lebar berkenaan perkara-perkara asas yang menjadi tunjang kepada kajian yang dijalankan. Secara kesimpulannya, bab ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membincangkan perbahasan yang meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerrang teori kajian, kerangka model kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Semua perbahasan pada bab ini merupakan kerangka asas kajian yang mendorong kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini dijalankan bagi menilai amalan pedagogi pengajaran Guru KAFA di Malaysia bagi mengenal pasti perbezaan, hubungan, pengaruh dan sumbangan berdasarkan Teori Guru Berkualiti Imam al-Ghazali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi